

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj SB 5/2020	Perkhidmatan Menjahit Dan Membekal "Lounge Suit" Ahli Majlis Dan Pengarah Jabatan Di Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tahun 2020.	Kementerian Kewangan Malaysia	020801 @ 020802 @ 020899	RM50.00	14 Ogos 2020 Hingga 19 Ogos 2020

**DOKUMEN MEJA TERKAWAL**

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my>

**Pembelian Secara 'On-line'**

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara on-line di **laman** sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Pembelian Dokumen Tawaran secara on-line diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

**Pembelian Secara Manual**

Penyebutharga juga boleh membeli Dokumen Tawaran secara manual di kaunter Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang dengan bayaran Dokumen Tawaran dalam bentuk Wang Tunai / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos sahaja di atas nama Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Kajang.

Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada penyebutharga yang sah sahaja bermula tarikh **14hb. Ogos 2020** sehingga **19hb. Ogos 2020**. Untuk maksud ini penyebutharga hendaklah membawa sijil pendaftaran asal seperti berikut:-

- i) **Syarikat Suruhajaya Malaysia (SSM),**
- ii) **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).**
- iii) **Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**  
\* Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.

**TARIKH PENYERAHAN**

Dokumen sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dihantar secara serahan tangan / pos di kaunter Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **pada** atau **sebelum 19HB. OGOS 2020 (RABU) JAM 5.00 PETANG**. Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.

Sila patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar dokumen tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar dokumen tawaran secara berkumpulan.